

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SBU342 – Institusi-Institusi Pembangunan Islam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA (3)** dari soalan berikut.

Jawapan hendaklah TEPAT dan PADAT.

1. Anda berhasrat menggunakan khidmat perbankan untuk mendapatkan modal bagi tujuan perniagaan. Anda mempunyai dua pilihan. Pertama, menggunakan khidmat perbankan yang menggunakan sistem faedah; dan kedua, menggunakan khidmat perbankan yang menggunakan sistem tanpa faedah. Antara dua bentuk khidmat perbankan ini, yang manakah yang anda pilih? Berikan alasan dan hujah-hujah konkret terhadap pilihan anda ini.
(100 markah)

2. Seorang pelanggan ingin memohon pembiayaan perumahan tetapi mempunyai persepsi negatif terhadap kadar keuntungan yang dikenakan oleh pihak perbankan Islam di dalam produk pembiayaan perumahan tersebut. Sebagai seorang pegawai di Bahagian Kredit di sebuah institusi perbankan Islam, berikan penjelasan dan kefahaman komprehensif kepada pelanggan tersebut berhubung isu kadar keuntungan di dalam produk pembiayaan perumahan.
(100 markah)

3. Perkaedahan pengiraan zakat perniagaan yang diamalkan di negeri-negeri di Malaysia adalah tidak seragam. Untuk mengatasi masalah ini, Konvensyen Zakat Kebangsaan 2001 telah menyarankan agar zakat perniagaan dikira menggunakan kaedah pengiraan *urfiiyah* (Kaedah Modal Berkembang) dan *syar'iyyah* (Kaedah Modal Kerja). Secara terperinci,uraikan maksud dan kaedah pengiraan *urfiiyah* dan *syar'iyyah* ini.
(100 markah)

4. Zakat perlu diagihkan kepada beberapa *asnaf*. Senaraikan *asnaf-asnaf* tersebut. Pilih dua dari *asnaf* ini dan bincangkan secara kritis bagaimana zakat boleh dimanfaatkan secara berkesan untuk kedua-duanya.
- (100 markah)
5. Sesebuah masjid tidak mempunyai apa-apa makna kecuali ianya diimarahkan. Apakah yang dimaksudkan dengan pengimaranan masjid mengikut nas-nas Al-Qur'an dan Hadith? Jika anda diberi tanggungjawab mengetuai pengimaranan masjid di tempat tinggal anda, bagaimanakah kaedah yang akan anda lakukan?
- (100 markah)
6. Berdasarkan kepada mana-mana sebuah atau lebih sebuah masjid di Malaysia, huraikan kekuatan dan permasalahan pengurusan pengimarahan. Bagaimanakah anda dapat mengekalkan kekuatan yang ada dan mengatasi permasalahan yang wujud di masjid berkenaan?
- (100 markah)

- oo ooo oo -

(Soalan 09)